




GOOD MEDICAL PRACTICE (GMP)
(IN FORCE UNTIL 23RD DAY OF FEBRUARY 2021)

MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL
REPRINT 2021



Amalan
Perubatan Yang Baik
Good Medical Practice

MAJLIS PERUBATAN MALAYSIA




MALAYSIAN MEDICAL COUNCIL

Dicetak Oleh
Majlis Perubatan Malaysia
2001

AMALAN PERUBATAN YANG BAIK

Jadual Kandungan

1. MUKADIMAH
2. DOKTOR DAN AMALAN
 - 2.1 Doktor Sebagai Insan
 - 2.3 Kad Panggilan
 - 2.4 Rekod dan Laporan Perubatan
 - 2.5 Rekod Dadah Berbahaya dan Terkawal
 - 2.6 Publisiti
 - 2.7 Perlindungan Perubatan
 - 2.8 Hubungan dengan Syarikat Farmaseutikal dan Peralatan
3. DOKTOR DAN PESAKIT
 - 3.1 Hubungan Doktor - Pesakit
 - 3.2 Kerahsiaan Doktor - Pesakit
 - 3.3 Pengiring
 - 3.4 Preskripsi Ubatan
 - 3.5 Rawatan
 - 3.6 Pendapat Kedua
 - 3.7 Persetujuan
 - 3.8 Yuran Profesional
 - 3.9 Peringatan Sejangat
 - 3.10 Saudara Mara dan Rakan-rakan
4. Doktor Sebagai Anggota Pasukan
5. Doktor dan Majikan
6. Doktor Pengamal Persendirian
7. Doktor dalam Amalan Institusi dan Awam
8. Doktor dalam Dilema
9. Umum



PRAKATA

Buku ini diterbitkan sebagai panduan kepada pengamal-pengamal perubatan di dalam usaha mematuhi standard rawatan dan profesionalisme yang digariskan oleh Majlis Perubatan Malaysia. Ia merangkumi aspek moral dan tanggungjawab profesional yang perlu dipraktikkan oleh para pengamal perubatan di negara ini.

Ia turut berperanan untuk mempertingkatkan kesedaran awam tentang layanan yang boleh diperolehi semasa menerima rawatan daripada doktor. Kesedaran tersebut diharap akan menjadi pendorong kepada para doktor untuk lebih prihatin di dalam mematuhi garis panduan tersebut.


Oleh itu, saya ingin menggesa para pengamal perubatan agar sentiasa mematuhi garis panduan yang dibentangkan menerusi buku ini. Segala pandangan bernas dari rakan-rakan seperjuangan akan disertakan menerusi semakan-semakan akan datang.

Tan Sri Dato' Dr. Abu Bakar bin Suleiman

Presiden

Majlis Perubatan Malaysia

Januari, 2001



SEPULUH PERATURAN PENTING AMALAN PERUBATAN YANG BAIK

1. Mengamal dengan Ketulusan, Mengikut Etika dan Ikhlas.
2. Meningkatkan Pengetahuan Profesional dan Kemahiran Klinikal.
3. Menyimpan Rekod Pesakit dengan baik.
4. Mengamalkan Komunikasi yang baik dengan Pesakit dan Saudara-Mara.
5. Memelihara Kerahsiaan Doktor dan Pesakit.
6. Mendapatkan Pandangan Kedua, dan Rujuk rakan sejawat.
7. Menjaga hubungan kerja yang baik dengan Rakan Sejawat.
8. Prihatin terhadap Kos Penjagaan Kesihatan.
9. Elakkan Publisiti, Promosi Sendiri dan Salah Guna Kedudukan.
10. Menyokong kegiatan Penjagaan Kesihatan Sejawat.

1. MUKADIMAH

Lima ciri asas Amalan Perubatan yang baik ialah; Integriti Profesional, Kemahiran Berkomunikasi, Tingkah Laku Beretika, Merawat Pesakit dengan Hormat dan Menjadi Anggota yang Aktif. Lima faktor inilah yang akan menjadi teras sentimen dan falsafah yang akan digambarkan di dalam risalah ini.

Sememangnya amat sukar untuk melahirkan panduan yang ideal tentang Amalan Perubatan yang baik, dan sememangnya mustahil untuk melahirkan panduan yang boleh diterima oleh semua doktor, memandangkan terdapatnya pelbagai jenis amalan serta pelbagai jenis doktor.

Risalah ini tidak mencakupi semua bentuk amalan profesional dan aspek perubatan. Para pengamal oleh itu mestilah sentiasa bersedia untuk menerangkan dan memberikan justifikasi tindakan dan keputusan, apabila timbul persoalan atau kemusykilan tentang amalannya.

Perlu ditekankan bahawa tujuan mengadakan Panduan ini bukanlah untuk membataskan kebebasan moral kedokteran yang mengongkong mereka mengamalkan perubatan terhad mahupun defensif yang memungkinkan mereka bertindak tidak realistik dan tidak produktif kepada dirinya dan pesakit.

Panduan di dalam risalah Amalan Perubatan Yang Baik ini bertujuan untuk memberi pendekatan positif dan untuk menyarankan tindakan yang sepatutnya diambil oleh doktor.

Panduan ini dibuat dalam konteks doktor Malaysia, walaupun kenyataannya kod profesional yang mempengaruhi bentuk dan cara amalan perubatan secara konsepnya bersifat sejagat diterima di peringkat antarabangsa dan dilaksanakan di peringkat global.

2 DOKTOR DAN AMALAN

2.1 Doktor Sebagai Insan

Doktor diharap bertindak profesional dan sedia diri, yang secara dasarnya tertakluk di dalam lingkungan moral, undang-undang dan norma etika yang diterima serta dapat mengawal diri untuk mendokongnya. Norma-norma ini adalah untuk menjaga kepentingan pesakit, dan membolehkan doktor mengamalkan profesion seperti telah dilatih tanpa perlunya ada kawalan dari luar.

Doktor hendaklah sentiasa memperlengkap diri dalam perkembangan terkini perubatan keseluruhannya dan dalam bidang kepakarannya untuk mendapatkan pengiktirafan profesional tertinggi. Peningkatan kemahiran amali merupakan keperluan tambahan yang penting. Tanggungjawab tambahan ini diperlukan bagi menggunakan semua komponen pendidikan perubatan yang berterusan termasuk kajian sendiri dan pembelajaran jarak jauh bagi mencapai objektif ini.

Kepada pesakit, keadaan fizikal doktor, iaitu cara berpakaian, sahsiah diri dan penampilan diri dari aspek kebersihan, kerapian dan haruman badan adalah sama penting dengan tingkah laku doktor dari segi adab, keyakinan, dan ketenangan.

Keadaan diri yang tidak kemas, walaupun bukan satu kemestian, boleh membawa kepada andaian yang tidak tepat oleh pesakit yang beranggapan bahawa ia tidak berdisiplin dan tidak mempunyai pendekatan bersistematik terhadap masalah klinikal. Terutama sekali kunjungan pertama pesakit akan mewujudkan andaian pertama yang bakal mempengaruhi corak dan arah runding cara serta hubungan doktor-pesakit di masa akan datang.

Kepada seseorang yang mempertaruhkan nyawa dan kesihatan mereka atau orang yang mereka sayangi, aspek penampilan luaran adalah amat penting sama seperti kualiti dalaman dan kemampuan profesional doktor. Kerana, pada pandangan pesakit, imej doktor terpancar daripada kesempurnaan penampilan fizikal dan moralnya.

2.2 Tempat Mengamal

Terdapat jangkaan yang tertentu tentang keadaan klinik dan bilik runding cara, yang seharusnya menarik kepada pesakit.

PAPAN TANDA KLINIK mestilah mematuhi stipulasi, jelas dan tepat. Pencahayaan yang menarik adalah penting tanpa terlalu dihiasi.

BILIK MENUNGGU mestilah dalam suasana tenang, melegakan dan meyakinkan. Tempat duduk mestilah selesa. Bilik perlulah bersih dan diterangi dengan cukup untuk pembacaan casual. Beberapa lukisan dan gambar ringkas atau poster maklumat akan menambah keselesaan di dalam bilik. Bahan bacaan ringan boleh membantu mengurangkan ketegangan dan kebosanan menunggu.

BILIK RUNDING CARA mestilah lapang, bersih, kemas, dan melegakan mata serta berbau nyaman.

Boleh juga sekiranya dipamerkan sijil atau skrol ijazah dan diploma perubatan yang diiktiraf di dalam bilik runding cara supaya pesakit tahu kewibawaan doktor.

Peralatan klinikal mestilah dalam keadaan berfungsi, bersih dan tersusun kemas.

Bilik runding cara yang tidak kemas dan berselerak menggambarkan kesibukan doktor, tetapi sebaliknya kepada pesakit doktor berkenaan tidak sistematik atau tidak berkaedah.

Sinki dan tuala tangan yang bersih memberi gambaran amalan yang bersih.

STAF JURURAWAT mestilah berpakaian kemas, sopan santun, dan prihatin semasa mengendalikan pesakit dan orang yang menemani. Mereka mestilah cekap dan berupaya mengutamakan pesakit dan masalah mereka.

2.3 Kad Panggilan

KAD PANGGILAN doktor mestilah menghadkan maklumat kepada nama, kelayakan berdaftar, alamat dan nombor telefon. Sesetengah kad digunakan sebagai kad janji temu. Kad panggilan jangan sekali-kali disebar kepada orang awam untuk tujuan perniagaan atau iklan, atau ditinggalkan di kaunter dengan tujuan penyebaran.

2.4 Rekod dan Laporan Perubatan

Secara umum, REKOD PERUBATAN yang disimpan rapi merupakan petanda amalan perubatan yang baik. Kad pesakit sepatutnya mengandungi semua maklumat relevan, penemuan fizikal dan diagnosis, dalam masa pengurusan pesakit. Rekod ini mestilah tepat, boleh dibaca, lengkap dan kemas kini, dan memudahkan pencarian maklumat pesakit untuk tujuan dan tindakan susulan pesakit di samping untuk rujukan masa depan misalnya menyediakan laporan.

Penyiasatan dan rawatan sepatutnya direkodkan secara terperinci. Sekiranya terdapat pelanggaran

prosedur, petanda dan sifat prosedur mestilah didokumenkan dengan jelas. Prosedur yang tersusun akan membantu sekiranya berlaku konflik, atau tuntutan berbanding jika nota klinikal berconteng, tidak baik, tidak dapat dibaca, samar-samar, tidak jelas, dan bertindan, bekas dipadam dan pembetulan, perkara ini mungkin menyulitkan.

Begitu juga, nota dan rekod berkaitan pembedahan dan prosedur invasif hendaklah ditulis jelas, dengan penekanan kepada petunjuk, penemuan, maklumat relevan, dan kesukaran yang ditemui dan langkah-langkah yang diambil.

Nota apabila dibuat tidak boleh dipadam atau dipinda, atau perkataan baru diselitkan selepas sesuatu tempoh, kerana ini menandakan tindakan defensif oleh doktor sekiranya berlaku perkara tidak dijangka semasa mengurus pesakit.

Bagi pesakit berisiko tinggi, terutamanya mereka yang berumur dan disyaki bermasalah alahan, kemungkinan risiko pembedahan dan anestetik perlu diterangkan kepada pesakit atau keluarga terdekat dan direkodkan di dalam nota. Perlu diingat bahawa meskipun nota dan rekod klinikal disimpan oleh doktor, namun dari segi etika dan moral, adalah kepunyaan pesakit dan pihak badan berkuasa. Dokumen ini boleh diminta oleh pesakit atau pegawai yang dilantik untuk pelbagai tujuan, daripada keperluan untuk mendapatkan pandangan kedua, sehinggalah untuk mendapatkan rawatan selanjutnya atau untuk litigasi.

Adalah menjadi tugas doktor untuk memberikan LAPORAN PERUBATAN yang komprehensif, apabila diminta oleh pesakit atau oleh keluarga terdekat bagi kanak-kanak dan pesakit di bawah umur atau majikan atas persetujuan pesakit. Sebarang bantahan atau kelewatan dalam menyerahkan laporan tersebut dianggap tidak beretika.

2.5 Rekod Dadah Berbahaya dan Terkawal

Adalah menjadi amalan perubatan yang baik untuk menyimpan inventori stok semua ubat-ubat yang mencukupi dan memudahkan.

Doktor dikehendaki oleh undang-undang untuk menyimpan rekod preskripsi yang teratur tentang dadah berbahaya dan terkawal; dan inventori stok. Kegagalan untuk mematuhi merupakan satu kesalahan yang serius.

Doktor mestilah mengelakkan memberi ubat yang menyebabkan ketagihan, terutamanya sedatif dan penenang dalam jumlah yang besar kepada pesakit, kerana ini boleh membawa kepada penyalahgunaan. Terdapat juga risiko dos berlebihan oleh pesakit yang tidak stabil.

2.6 Publisiti

Publisiti yang terbaik bagi seseorang doktor ialah melalui pesakit. Khabaran baik daripada pesakit mengenai doktor dan rawatan yang lemah lembut dan bertimbang rasa yang diterimanya, mempengaruhi saudara mara dan rakan pesakit untuk kembali kepada doktor yang sama.

Bangga diri dan mempromosi diri sendiri sebagai doktor yang terbaik, paling berpengalaman, atau paling mahir hingga memperkecilkan rakan sejawat adalah kelakuan doktor yang tidak bermoral. Dalam jangka panjang, perilaku sebegini akan merosakkan dirinya sendiri kerana pesakit akan sedar tentang perbuatan sebenar doktor dan akan mengelak daripadanya.

Perilaku mendapatkan publisiti oleh segelintir doktor akan menggambarkan rendahnya moral dan didikan profesionalisme mereka dan seterusnya menjejaskan reputasi profesion secara keseluruhan.

Penglibatan doktor dalam perkhidmatan awam secara sukarela, memberi nasihat tentang penyakit dan jagaan kesihatan kepada orang ramai di kawasan pendalaman dan terpencil adalah terpuji. Walau bagaimanapun, adalah tidak beretika jika para doktor mengeksploit situasi ini dengan membenarkan gambar mereka sedang memeriksa seseorang bersama-sama liputan berita tentang aktiviti mereka di dalam media. Adalah lebih buruk lagi jika mereka memperkenalkan diri dengan memberikan nama dan tempat mengamal.

2.7 Liputan Perubatan

Doktor yang tidak bertugas mestilah memastikan pesakit mereka terus mendapat jagaan semasa ketiadaannya.

Doktor, terutamanya pengamal biasa dan secara bersendirian, sebelum mengambil cuti panjang daripada tugas seharusnya memberi notis awal kepada pesakit tetapnya dan seboleh mungkin memberikan janji temu alternatif sekiranya mereka dalam rawatan susulan berkala. Semasa ketiadaan perlulah diutamakan doktor alternatif sebagai rujukan sekiranya pesakit memerlukan rawatan segera.

Dalam hal pesakit hospital, doktor yang ingin bercuti mestilah memastikan prosedur diserahkan dengan jelas melalui nota dokumen yang teratur kepada rakan sejawat bagi meneruskan pengurusan semasa ketiadaannya. Rakan sepasukan yang menggantikannya mestilah bersetuju, dan pesakit atau saudara terdekat mestilah dimaklumkan tentang aturan yang dibuat ini.

Doktor pengganti mestilah mempunyai kelayakan, pengalaman, pengetahuan dan kemahiran untuk melaksanakan tugas yang diperbertanggungjawabkan. Beliau bertanggungjawab terhadap penjagaan pesakit semasa sedang bertugas.

2.8 Hubungan Dengan Syarikat Farmaseutikal & Peralatan

Doktor seringkali didatangi oleh wakil syarikat farmaseutikal samada untuk memberikan preskripsi atau mempromosi ubatan baru di pasaran, atau untuk mempengaruhi supaya ahli farmasi hospital membeli ubatannya. Begitu juga dengan wakil jualan peralatan dan perkakasan perubatan mungkin beroperasi dengan cara yang sama. Keputusan doktor untuk menerima cadangan itu mestilah berdasarkan prinsip bahawa ia adalah untuk kebaikan pesakit. Doktor mestilah tidak menerima sebarang pemberian langsung atau tidak langsung, saguhati dan balasan di dalam urusan tersebut.

Doktor mungkin ditawarkan imbuhan melancong percuma, tambang perjalanan dan layanan baik untuk menghadiri persidangan, atau apa-apa imbuhan lain yang menarik di dalam usaha mempromosi produk farmaseutikal yang baru. Walaupun ia mungkin mempunyai nilai pendidikan, doktor mestilah membuat penilaian tentang motif, balasan dan agenda tersembunyi syarikat-syarikat berkenaan, dan pulangan yang diperolehi mereka. Budi bicara dalam menangani perkara seumpama ini akan membantu mengekalkan kewibawaan dan ketelusan profesion perubatan.

Semasa berurusan dengan ahli industri farmaseutikal dan peralatan, doktor mestilah tidak terlibat di dalam transaksi khususnya di mana ia melibatkan konflik kepentingan peribadi.

3. DOKTOR DAN PESAKIT

3.1 Hubungan Doktor Pesakit

Hubungan antara doktor dengan pesakit sebaik-baiknya sebagai rakan kongsi dan usaha sama dalam menjamin kesihatan pesakit.

Hubungan sedemikian akan membuka ruang kepada perbincangan yang lebih telus di mana keperluan serta pilihan pesakit dan kepakaran klinikal doktor digabungkan bagi mendapatkan pilihan rawatan yang terbaik.

Bagi pesakit, pertemuan pertama dengan doktor akan menentukan hubungan seterusnya. Pesakit yang pertama kali mendapatkan rawatan perubatan datang dengan tanda tanya. Keberanian yang terpaksa dikumpulkan untuknya datang ke klinik adalah besar dan pengalaman masuk ke bilik doktor mungkin menakutkan. Namun langkah tersebut membuktikan harapannya untuk pulih merupakan satu pengorbanan yang perlu dihargai. Dia menyerahkan kerahsiaan dan hak peribadinya kepada doktor di mana secara literalnya menyerahkan segalanya, mendedahkan perkara yang paling rahsia dan masalah peribadi kepada doktor yang asing kepadanya. Kelebihan yang ada pada doktor hanyalah pendidikan dan latihan sebagai seorang penyembuh penyakit.

Perkara ini juga direstui oleh saudara mara yang datang mendapatkan nasihat untuk orang-orang tersayang mereka.

Doktor perlu bersedia secara fizikal dan mental untuk berkhidmat walaupun terpaksa melayan pesakit demi pesakit, hari demi hari tanpa noktah. Ini merupakan tugas suci, dan harapan yang diberikan amat tinggi.

Pesakit sebaliknya, alpa kepada peranan doktor. Mereka jarang mengambil tahu perasaan doktor pada ketika itu. Sama ada doktor dalam keadaan tegang secara fizikal atau mental, atau samada doktor mendapat cukup rehat atau makan yang teratur, kurang dipertimbangkan pesakit. Bagi pesakit, perkara utama ialah penyelesaian segera terhadap masalahnya.

3.1.1 Para doktor sepanjang masa diharap mengamalkan perubatan yang baik, mempamerkan norma amalan klinikal yang baik, dan menampilkan dirinya seperti berikut:

Memberi tumpuan dan mendengar dengan baik, dan teliti walaupun terhadap aduan yang remeh supaya pesakit berasa bahawa dirinya penting di dalam bilik runding cara itu, dan masalahnya perlu diberi perhatian. Dengan itu pesakit akan berasa tenang dan selesa terhadap doktor.

Elakkan **mengkritik atau memperkecilkan pesakit**, apabila pesakit memaklumkan perkara yang remeh atau kurang relevan kerana ianya mungkin penting kepada pesakit.

Lemah lembut dan prihatin semasa memeriksa pesakit supaya pesakit berasa tenang dalam setiap langkah pemeriksaan fizikal, sesekali berhenti bagi menerangkan keperluan setiap langkah. Pemeriksaan fizikal terhadap pesakit perlu dijalankan dengan kehadiran pengiring.

Apabila membincangkan kemungkinan diagnosis, pastikan jelas dan berhati-hati utamakan kepentingan pesakit, pastikan pesakit tenang dan elakkan dari menakutnya. Berhati-hatilah dan berwaspada mengenai apa yang akan dijelaskan pada peringkat ini, sementara menunggu hasil ujian. Doktor perlu mengambil kira keadaan mental pesakit, debaran menanti keputusan, dan harapan saudara yang terdekat.

3.1.2 Berikan pilihan yang relevan apabila membincangkan rawatan, batasan dan komplikasi yang mungkin berlaku.

Semasa merunding cara, perkara berikut merupakan beberapa aspek amalan perubatan yang baik:

Bersabar dan bersimpati, tanpa membuat pesakit beranggapan anda sedang sibuk atau terburu-buru untuk membuat kerja-kerja yang lain.

Elakkan mengkritik rakan sejawat atau rawatan-rawatan sebelumnya semasa kehadiran pesakit. **Berlemah lembut** apabila ingin mendapatkan penjelasan mengenai sejarah penyakit - gunakan bahasa, cara dan nada yang lembut.

Wujudkan **hubungan persahabatan mesra**, yang akan memberi keyakinan dan kepercayaan pesakit kepada doktor.

Elakkan kelihatan terlalu mementingkan perniagaan. Beri masa kepada pesakit untuk bertenang di dalam bilik runding cara dan untuk menilai doktor yang merupakan orang asing yang belum teruji. Soalan yang biasa diajukan ialah "Di manakah anda bekerja?", "Berapa umur anda?". "Sudah lamakah awak menunggu?", untuk mewujudkan suasana persahabatan dengan mukadimah yang mesra.

Elakkan mempamerkan diri sebagai terlalu sempurna, sehingga memberi gambaran bahawa pesakit telah pun berjumpa dengan orang yang pasti dapat menyembuhkan mereka.

Elakkan merendahkan pesakit anda. Bersikap tegas tetapi menyenangkan dalam perbincangan tanpa perlu meninggi diri. Elakkan mewujudkan hubungan berbentuk peribadi dengan pesakit, dan elakkan apa-apa percubaan pesakit untuk mewujudkan hubungan peribadi dengan anda. Dalam amalan persendirian, cubaan untuk memuaskan tuntutan pesakit kadangkala dianggap penting dari sudut kewangan, atas dasar bahawa "**pelanggan sentiasa benar**". Dalam keadaan seumpama ini, pendekatan doktor mestilah berasaskan prinsip amalan perubatan yang baik, dan ini tidak boleh dikorbankan atas alasan keuntungan. **Doktor mestilah menjadikannya sebagai tugas untuk mendidik dan membetulkan salah konsep pesakit mengenai rawatan perubatan dan jagaan kesihatan.**

Sekiranya anda tidak bersetuju dengan pandangan, gambaran atau pilihan rawatan pesakit, **anda mesti bersifat positif semasa memberikan pandangan tanpa memperkecil pesakit**, atau membuat mereka berasa rendah diri dan jahil. Bertindak bijak dan berdiplomasi adalah kunci kepada kejayaan hubungan doktor dan pesakit yang berpanjangan.

Seseorang mungkin datang ke klinik bagi **mendapatkan surat sakit, berpura-pura sakit**. Doktor hendaklah menilai permintaan sebegini berasaskan pengalaman lalu dengan pesakit yang terlibat, serta bertindak secara jujur dan bijaksana.

Jangan sekali-kali memberi apa-apa preskripsi atau sijil sakit tanpa terlebih dahulu memeriksa pesakit, dan membuat nota relevan di dalam rekod pesakit. **Jangan sekali-kali pra-tandatangani sijil sakit atau arahan preskripsi** kerana ini boleh disalah gunakan oleh orang yang tidak bertanggungjawab semasa ketiadaan anda.

Jangan ambil kesempatan atas kesukaran pesakit untuk kepentingan atau mencapai impian sendiri.

3.2 Kerahsiaan Doktor - Pesakit

Kerahsiaan perubatan adalah prinsip tradisi dan merupakan keperluan integral dalam hubungan doktor-pesakit. Asas kepada 'prinsip' ini ialah **penjagaan kehormatan, kerahsiaan dan integriti pesakit**. Apabila pihak ketiga ingin mendapatkan maklumat perubatan, permohonan ini hanya boleh dipenuhi selepas mendapat kebenaran bertulis daripada pesakit atau saudara terdekat.

Perlu diingati bahawa terdapat perbezaan yang besar antara isu yang menarik kepada orang ramai (oleh itu ada nilai berita) dan kepentingan kesihatan awam. Dalam apa keadaan, perlindungan pesakit adalah pertimbangan yang mengatasi segalanya dan harus diteliti sebelum sebarang pendedahan dilakukan.

Keperluan undang-undang atau kanun kadang-kadang mengatasi had kerahsiaan pesakit-doktor, dan doktor selalunya diperlukan oleh undang-undang untuk mendedahkan maklumat berkaitan dengan penyakit dan rawatan. Pesakit perlu diberitahu tentang tugas awam ini.

Doktor yang menggunakan bahan pesakit klinikal dalam penerbitan peralatan atau di persidangan perubatan mestilah sentiasa **mengelakkan maklumat terperinci mengenai pesakit** dalam kajiannya. Gambar yang digunakan mestilah tidak menunjukkan muka atau ciri-ciri fizikal yang dapat mengecam seseorang.

Apabila membincangkan data pesakit di dalam perbincangan dalaman mengenai mortaliti dan morbiditi, rujukan terus kepada nama pesakit, pengenalan dan perincian peribadi mestilah dielakkan.

Dalam analisis akhir, amalan perubatan yang baik menyatakan **doktor mestilah sepenuh dayanya memelihara kerahsiaan pesakit**. Maklumat yang diperolehi pada dasarnya diberikan secara sukarela oleh pesakit bagi memenuhi keperluan untuk menjalani pemeriksaan fizikal dan prosedur penyiasatan diagnostik. Pesakit percaya bahawa rahsia berkenaan tidak didedahkan dan digunakan hanya semata-mata untuk kebaikannya sahaja.

3.3 Pengiring

Doktor mestilah sentiasa memeriksa pesakitnya samada lelaki atau wanita atau kanak-kanak, dengan kehadiran seorang pengiring bersama di dalam bilik runding cara yang mempunyai hubungan visual dan oral sepanjang pemeriksaan berlangsung.

Seorang saudara atau rakan pesakit tidak boleh dianggap pengiring yang sesuai kerana dia mungkin tidak dapat memahami kaedah pemeriksaan fizikal yang dijalankan oleh doktor, dan mungkin memberi keterangan menentang doktor sekiranya berlaku tuduhan salah laku atau mendatangkan mudharat secara fizikal. Begitu juga seorang saudara dan keluarga doktor (isteri, anak dsb) merupakan pemerhati meragukan, tidak dianggap pengiring dan boleh menimbulkan prejudis.

Keperluan ini untuk membolehkan doktor melaksanakan pemeriksaan terhadap pesakit tanpa diganggu kerana kelayakannya dalam mendapatkan diagnosis yang betul, dan seterusnya tidak perlu mempertahankan tindakannya.

3.4 Preskripsi Ubatan

Sebelum memberi ubat kepada pesakit, adalah menjadi amalan yang baik untuk mendapatkan keterangan pesakit sekiranya ada kesan buruk terhadap ubat-ubat yang diambil sebelumnya, dan

sekiranya pesakit mempunyai sebarang alahan, asma, penyakit kulit, gangguan gastrousus, atau apa-apa tindak balas emosi misalnya, pening, sakit kepala, atau loya. Perlu juga ditanya apakah pesakit sedang menjalani rawatan bagi penyakit-penyakit yang lain.

Beberapa soalan mudah tentang perkara di atas akan memberi keyakinan kepada pesakit bahawa doktor amat mengambil berat tentang pemberian ubat semasa, supaya kesan buruk dapat dielakkan. Ini juga dapat mengelak pertindihan ubat yang telahpun diberi oleh doktor lain.

Adalah menjadi amalan perubatan yang baik untuk memberitahu pesakit tujuan pemberian ubat dan potensi tindak balas buruk yang mungkin dialami. Nama ubat, sebaiknya nama generik dan nama dagang, hendaklah dilabel dengan baik.

Setengah pesakit membawa buku nota kecil untuk simpanan rekod perubatan yang mereka ambil secara berkala, dan doktor hendaklah mencatatkan preskripsi ubat yang baru. Ini adalah untuk keselamatan pesakit sekiranya dia menunjukkan tindak balas buruk, dan juga bagi membantu doktor berikutnya untuk menangani situasi sedemikian untuk membantunya memberi rawatan atau antidot yang sesuai atau spesifik semasa kecemasan.

Ubatan hendaklah diberi dalam banyak keadaan, untuk tempoh yang sesuai dan selesa, terutamanya bagi penyakit yang memerlukan pemantauan teliti dan berkala.

Hanya rawatan, ubat, atau alat-alat yang bersesuaian dan diperlukan oleh pesakit sahaja perlu diberikan.

Pemberian ubat di klinik hendaklah atas arahan dan diselia doktor, sekiranya pemberi ubat bertauliah tiada.

Pesakit hendaklah dinasihatkan mengenai implikasi pengambilan ubat sendiri, atau membeli ubat yang terkawal tanpa preskripsi doktor.

3.5 Rawatan

Pesakit hendaklah dielakkan dari beranggapan bahawa dipaksa untuk menerima rawatan, terutamanya prosedur pilihan pembedahan yang invasif, melainkan semata-mata bertujuan untuk menyelamatkan nyawa, pesakit perlu diberi masa untuk memikirkannya.

Dalam pembedahan elektif, adalah menjadi amalan yang baik untuk memberi pilihan penetapan tarikh, dan keselesaan, supaya pesakit mempunyai masa untuk menyelesaikan urusan peribadi dan kerja. Pesakit yang bersetuju dan hadir di hospital untuk pembedahan hendaklah bebas daripada tekanan peribadi, kerja dan domestik, dan mestilah bersedia secara mental dan fizikal untuk menjalani pembedahan.

3.6 Pendapat Kedua

Permohonan daripada pesakit untuk mendapatkan pendapat kedua hendaklah ditangani dengan kepekaan dan bijaksana. Adalah menjadi amalan yang baik untuk memenuhi permohonan ini, dan doktor hendaklah memberikan kerjasama terbaik kepada pesakit untuk mendapatkan pendapat tersebut. Doktor mestilah membantu menyediakan semua maklumat dan hasil penyiasatan yang diperlukan kepada rakan sejawat dengan ikhlas dan tanpa cuba mempengaruhi keputusan tersebut.

Kadangkala pesakit memilih untuk mendapatkan pendapat kedua daripada doktor yang dirahsiakan atas pilihannya sendiri. Oleh itu adalah penting untuk ditekankan kepada pesakit bahawa doktor kedua mestilah bertauliah dan berpengalaman, supaya runding cara dan pandangan yang tepat dapat diperolehi.

Doktor yang memberikan pandangan kedua mestilah memberikan pandangan profesional tanpa prejudis, dan tanpa dipengaruhi kedudukan pangkat, pengalaman, atau berlagak lebih pintar daripada doktor pertama. Beliau kemudiannya hendaklah merujuk semula pesakit kepada doktor pertama dengan menyatakan pendiriannya; bersetuju atau tidak atau mengemukakan pilihan lain dengan yakin.

Doktor juga perlu bersedia untuk mengemukakan rujukan kepada rakan sejawat untuk mendapatkan pendapat kedua apabila situasi memerlukan. Beliau mestilah memastikan bahawa pesakit faham dengan jelas bahawa tindakan dibuat demi kebaikan pesakit. Pesakit perlu dimaklumkan bahawa rujukan ini dilakukan bukan kerana kelemahan, kekurangan kemahiran atau kurang keyakinan doktor pertama, tetapi kerana terdapat keraguan yang menuntut diadakan rundingan silang.

Doktor yang mengamal perubatan secara persendirian mempunyai tahap kemahiran yang pelbagai dan sesetengah doktor beroperasi secara sendiri di kawasan-kawasan terpencil. Dengan itu adalah berfaedah untuk mengatur perbincangan dengan rakan sekerja yang beroperasi di kawasan berdekatan untuk membincangkan masalah pesakit demi kebaikan bersama. Ini merupakan satu bentuk pendidikan perubatan yang berkesan, dan berterusan.

Dalam era serba-khusus, adalah menjadi amalan yang baik untuk merujuk pesakit supaya mendapatkan pengurusan mutlak daripada rakan sejawat yang terlatih atau pakar dalam mengendalikan masalah klinikal yang kompleks. Doktor mestilah dapat menerima hakikat batasan kemampuan kepakarannya dalam situasi tertentu dan bersedia untuk merujuk pesakit kepada doktor lain.

Di dalam situasi di mana pesakit perlu dirujuk kepada pelbagai pakar, pesakit hendaklah dimaklumkan tentang sebab-sebab tindakan tersebut. Sekiranya doktor kedua berhasrat merujuk pesakit kepada pakar yang lain, persetujuan daripada doktor pertama mestilah diperolehi terlebih dahulu.

Fragmentasi rawatan mestilah dielakkan. Doktor mestilah mengelakkan 'terlebih khidmat' kepada pesakit. Dalam hal ini, dan keputusan rujukan berbilang mestilah dinilai dengan teliti dan diambil semata-mata untuk kebaikan pesakit.

3.7 Persetujuan

Doktor sering menganggap bahawa pesakit yang masuk bilik runding cara mereka telah memberikan persetujuan secara terselindung tentang semua prosedur selanjutnya. Perlu diingat bahawa persetujuan secara terselindung adalah sekadar anggapan semata-mata dan tidak melindungi doktor sekiranya berlaku tuntutan undang-undang.

Adalah penting bagi doktor untuk menerangkan prosedur dan tujuannya. Ini termasuklah antara lain, keperluan untuk mengambil darah bagi tujuan penyiasatan, prosedur pengimejan diagnostik, dan infiltrasi setempat dan suntikan. Pada setiap peringkat, sekiranya pesakit membantah atau ingin mendapatkan penjelasan, aduan pesakit hendaklah didengar dan dipertimbangkan. Bantahan pesakit terhadap penyiasatan prosedur atau rawatan spesifik hendaklah direkod di dalam buku nota.

Apa-apa prosedur yang invasif, walaupun kecil, tidak boleh dijalankan tanpa persetujuan pesakit, sebaik-baiknya didokumenkan. Bagi pesakit dibawah umur, kebenaran daripada ibubapa atau penjaga diperlukan.

Biasanya, sekiranya pesakit diberi penjelasan yang jelas dan berterus terang mereka jarang membantah penyiasaan atau prosedur tersebut.

Sebelum satu prosedur besar dijalankan, pesakit mestilah diberitahu mengenai komplikasi selepas pembedahan supaya tidak timbul kejutan selepas pembedahan, terutamanya perkara di luar kebiasaan yang mungkin berlaku, misalnya kos rawatan intensif yang tinggi dan rawatan yang berlanjutan. Perlu ditekankan bahawa perbincangan tidaklah terlalu panjang dan begitu terperinci sehingga pesakit menjadi patah semangat, atau menjadi terlalu takut terhadap komplikasi untuk menjalani prosedur.

3.8 Yuran Profesional

Doktor biasanya tidak selesa apabila membincangkan yuran dan kos dengan pesakit sebelum rawatan. Ianya kurang menyenangkan dan menggambarkan bahawa setiap rawatan adalah kos, serta bertentangan dengan prinsip jagaan kesihatan. Ia boleh mendatangkan kesan negatif pada pesakit yang tidak berkemampuan dan memilih untuk mendapatkan rawatan yang "lebih murah" ataupun tidak terjamin.

Doktor perlu mengutamakan rawatan pesakit, bertindak mengikut keperluan, umpamanya menyelamatkan anggota, melega kesakitan, menyembuh penyakit dan banyak lagi. Tidak seperti membeli barang mewah, yang boleh dibatal atau ditunda. Doktor persendirian kadangkala menghadapi kesukaran untuk mendapatkan bayaran yuran sekiranya bayaran pendahuluan atau deposit tidak dikenakan.

Doktor tidak semestinya merawat pesakit tanpa yuran, begitu juga pesakit tidaklah boleh mengharap untuk mendapat rawatan percuma. Doktor persendirian terutamanya, kadangkala menghadapi masalah mengenai kutipan yuran jika mereka tidak mengenakan bayaran deposit.

Oleh itu terdapat beberapa faktor yang perlu dipertimbangkan dalam menentukan yuran profesional. Bayaran hendaklah berpatutan. Doktor perlu mengambil kira aspek ekonomi perubatan dan kesannya terhadap orang awam memandangkan kos perubatan yang semakin meningkat. Adalah menjadi amalan perubatan yang baik bagi doktor untuk memberitahu pesakit anggaran yuran profesional dan bayaran hospital sebelum memulakan rawatan. Pesakit perlu diberitahu sekiranya ada keperluan rawatan rapi selepas pembedahan kerana kos mungkin akan meningkat.

Sekiranya berlaku kecemasan seperti rawatan kecemasan atau menyelamatkan nyawa, etika perubatan dan pertimbangan kemanusiaan mewajibkan doktor melakukannya tanpa mengira kemampuan pesakit. Pengurusan pesakit selanjutnya akan bergantung pada kemampuan pesakit memenuhi apa juga kos. Menolak rawatan pesakit dalam kecemasan atau dalam keadaan nyawa yang terancam hanya kerana tidak berupaya membayar deposit adalah tidak profesional dan tidak beretika.

Di hospital swasta, apabila perbelanjaan mengatasi anggaran awal disebabkan keperluan rawatan rapi atau rawatan berlanjutan ianya hendaklah dimaklumkan kepada pesakit atau saudara terdekat. Sekiranya mereka tidak berkemampuan doktor mestilah berusaha memindahkan pesakit ke hospital awam atau hospital swasta yang lebih murah dan secara peribadi memberikan bantuan untuk memudahkan pemindahan tersebut. Rakan sekerja atau hospital mestilah menerima pemindahan ini secara ikhlas tanpa membuat apa-apa kenyataan kemudian.

3.9 Pencegahan Sejagat

Sekiranya didapati pesakit menghidap penyakit yang mudah dipindahkan/berjangkit, misalnya AIDS atau hepatitis semasa penyiasatan awal, ia mestilah dirawat oleh doktor dengan mengamalkan langkah pencegahan sejagat. Keengganan menerima pesakit ini, atau meminta mereka pergi ke tempat lain adalah dianggap tidak beretika.

3.10 Saudara dan Rakan

Perlu diambil kira akan kehadiran saudara mara dan rakan-rakan pesakit yang biasanya tidak muncul pada hari pertama rawatan, tetapi muncul selepas pembedahan atau selepas rawatan besar yang lain, atau apabila pesakit menjadi semakin tenat. Mereka ini datang dengan pelbagai soalan: Bila ia berlaku, apa yang tidak kena, apa akan berlaku selanjutnya, adakah pesakit boleh bertahan dan seterusnya.

Adalah penting untuk doktor menghargai, pengaruh dan kepentingan saudara mara dan rakan-rakan ini terhadap pesakit, dan melayan mereka dengan ikhlas dan rasa hormat dan berusaha menjelaskan segala pertanyaan mereka sedaya mungkin walaupun pertanyaan yang tidak berkaitan.

Sekiranya berlaku perkara yang di luar jangkaan semasa mengurus pesakit, komunikasi, tutur cara dan diplomasi doktor boleh mempengaruhi penilaian di dalam penganalisaan krisis.

4. DOKTOR SEBAGAI ANGGOTA AKTIF

Profesion perubatan dapat bertahan atas asas kepercayaan dan keyakinan yang mutlak daripada orang awam terhadap kredibiliti ini. Adalah bertentangan dengan moral bagi seseorang doktor memberi komen buruk tentang kemampuan profesional rakan sejawat kepada pesakit atau orang-orang awam, walau apa sekalipun tanggapan peribadinya terhadap doktor tersebut.

Doktor hendaklah sentiasa menghormati rakan sejawat. Cara hidup, budaya, kepercayaan, bangsa, warna kulit, jantina atau umur rakan sejawatnya tidak boleh mempengaruhi hubungan profesionalnya.

Doktor hendaklah melayan kakitangan jururawat dan kakitangan bawahan dengan rasa hormat dan timbang rasa dan memahami serta bertindak waras terhadap rungutan tugas-tugas dan perkhidmatan. Doktor mestilah menerima khidmat mereka sebagai sebahagian daripada pasukan yang turut berperanan di dalam mewujudkan persekitaran kerja yang baik dan harmoni.

Pengurusan penjagaan kesihatan lebih berkesan jika dilakukan oleh pasukan yang memiliki pelbagai kepakaran. Seorang doktor diharap berperanan secara konstruktif di dalam pasukan dan menghormati kemahiran dan sumbangan rakan sejawat dan kakitangan kesihatan yang lain.

Doktor yang beranggapan dan menonjolkan diri sebagai lebih baik atau superior daripada rakan sejawat dari segi kemahiran, kepakaran, pengalaman, atau keupayaan profesional, adalah sikap yang tidak dikehendaki, dan pesakit biasanya berasa tidak senang apabila berhadapan dengan kelakuan negatif doktor yang sebegini.

Adalah tidak wajar untuk doktor merendah-rendahkan rakan sejawat, atau memberi gambaran kepada pesakit kelebihan dirinya, atau menyalahkan tindakan doktor tersebut. Maklumat tersebut sebenarnya boleh digunakan oleh pesakit sebagai asas di dalam usaha mengambil tindakan undang-undang terhadap doktor terbabit.

Apabila berhadapan dengan situasi seperti ini, adalah menjadi amalan yang baik untuk tanpa ragu-ragu menghubungi doktor yang pertama dan mendapatkan cerita sebenar daripadanya. Ini akan membantu anda memahami masalah yang dihadapinya dan mengenalpasti tindakan selanjutnya. Adalah menjadi amalan perubatan yang baik bagi doktor untuk **mengekalkan hubungan kerja yang mesra dengan rakan sejawat**. Ini mungkin memerlukan usaha, terutamanya di kawasan bandar di mana bilangan doktor yang ramai di satu-satu kawasan. Bagaimanapun, jika diamalkan usaha ini lebih banyak mendatangkan kebaikan.

Apabila doktor merujuk pesakit kepada doktor lain untuk dibuat penyiasatan atau mendapatkan rawatan khas, adalah **tidak beretika untuk meminta imbuhan sebagai balasan**.

Seseorang doktor mestilah mengelak daripada menganggap rakan sejawat di mana-mana tempat dia mengamal sebagai pesaing atau musuh. Amatlah penting untuk doktor mempamerkan imej berpasukan dengan berpandukan panduan amalan yang sama supaya pesakit dapat menghormatinya dan mengelakkan pesakit berhijrah daripada satu klinik ke klinik yang lain.

Sebaliknya, doktor mestilah mempunyai alasan yang kukuh untuk mempercayai bahawa **rakan sejawat mengamal secara tidak beretika atau tidak bermoral, atau tidak berupaya secara mental dan fizikal menangani atau merawat pesakit**. Adalah menjadi tugasnya untuk membawa kepada pengetahuan Majlis Perubatan Malaysia, demi kepentingan orang awam.

Akhir sekali, doktor mestilah sentiasa ingat bahawa ia mendapat pendidikan dan latihan perubatan melalui pengajaran, dan perantisan, secara berkumpulan. Oleh itu, adalah suatu kemuliaan dan kelebihan baginya untuk meneruskan tradisi amalan perubatan dengan menyampaikan pengetahuan dan berkongsi pengalaman dengan rakan sejawat dan penuntut sepanjang masa.

5. DOKTOR DAN MAJIKAN

Terdapat pengaruh yang semakin meningkat daripada **Pertubuhan Jagaan Terurus (MCOs) atau Pertubuhan Pengurusan Jagaan Kesihatan (HMOs)** di dalam negara sejak akhir-akhir ini. Doktor panel kepada syarikat-syarikat korporat seringkali disiasat dan tekanan untuk bukan sahaja bertindak sebagai doktor utama dengan tekanan risiko kawalan kos, malahan berfungsi sebagai pengawal perubatan dalam sistem pra bayar tersebut. Doktor juga tertakluk untuk beroperasi menurut jadual dan manual yang ditetapkan oleh MCOs dan HMOs.

Adalah menjadi amalan perubatan yang baik untuk doktor memastikan tanggungjawab profesional utamanya kepada pesakit walaupun dipatuhi beroperasi di bawah kekangan kewangan ketat dan jagaan pesakit terkawal yang dikenakan oleh MCOs dan HMOs. Adalah penting untuk menjaga hubungan doktor-pesakit yang baik dan kerahsiaan walaupun dalam persekitaran amalan perubatan yang ketat dan sentiasa sedar bahawa doktor wujud kerana adanya pesakit yang memerlukan jagaan individu dan terus berpegang kepada tanggungjawab utama doktor demi kesihatan dan kebajikan pesakit.

Doktor tidak sepatutnya merasa tertekan dan mengaku kalah terhadap ketidakadilan majikan terutamanya apabila khidmat mereka ditamatkan atau didenda sedangkan penyakit mereka masih boleh dirawat dan tiada mengalami sebarang keilatan kekal. Dalam keadaan seperti ini demi kepentingan pesakit, doktor sepatutnya mendapatkan pandangan bebas daripada rakan sejawat untuk membantu menyokong penemuan dan pandangannya jika beliau berasa dicurigai dan digunakan sebagai alat oleh majikan untuk melaksanakan keputusan mereka yang tidak adil dan berasas.

6. DOKTOR YANG MENGAMAL SECARA BERSENDIRIAN

Doktor yang mengamal secara bersendirian seringkali berhadapan dengan tanggungjawab kewangan seperti bayaran sewa bangunan, pajakan, gaji pekerja dan bayaran-bayaran lain. Doktor seumpama ini, mudah terdedah kepada tuntutan pesakit, majikan mahupun ugutan.

Doktor sepatutnya tidak mengambil mudah peraturan profesional dan etika untuk memenuhi tuntutan tidak adil oleh orang-orang seumpama ini untuk tujuan kewangan atau faedah sendiri. Apabila doktor membenarkan diri mereka terdedah kepada pengaruh ini, reputasinya dan kredibilitinya terjejas.

Doktor tidak sepatutnya mendesak atau meminta-minta pesakit, atau melobi majikan untuk menjadi panel kepada mereka. Doktor perlu sedar bahawa ia memerlukan kesabaran dan masa untuk membina kerjayanya. Apabila reputasi baik dibina dan diiktiraf, beliau pastinya akan mendapat faedahnya.

Doktor perlu sedar bahawa tidak ada jalan pintas di dalam mencapai kemasyhuran dan populariti, dan tiada taranya amalan perubatan yang berkekalan, beretika dan baik walau dalam apa keadaan sekalipun.

7. DOKTOR DALAM AMALAN INSTITUSI DAN AWAM

Doktor yang mengamal dalam kemudahan institusi mestilah sentiasa ingat tentang kos penjagaan kesihatan yang semakin meningkat. Inovasi teknologi tinggi adalah mahal dan doktor mesti menilai perlunya prosedur seperti ini sebelum melaksanakannya untuk pesakit mereka.

Adalah menjadi amalan perubatan yang baik bagi para doktor untuk mengingat bahawa sumber kesihatan biasanya mahal, bernilai, tetapi terhad. Oleh itu, adalah menjadi tugas secara tidak langsung, sebagai penjaga sumber kesihatan untuk mengekalkan dan memastikan kualiti perkhidmatan. Perlu juga diingat bahawa doktor juga bertanggungjawab menjaga persekitaran awam dengan membantu membuang bahan buangan klinikal dan bahan sampingan toksid daripada dadah dan bahan kimia yang digunakan dalam amalan perubatan dengan cara yang tidak berbahaya.

Perkara asas penjagaan pesakit oleh para doktor adalah menyeluruh dan turut diguna pakai sama ada oleh pengamal awam atau pengamal persendirian.

Di hospital yang ada wad dan kelas, para doktor perlu ingat bahawa "kelas" hanya merujuk kemudahan keselesaan di dalam bilik dan bukan tahap penjagaan perubatan. Rawatan sepatutnya tidak dibezakan mengikut kemampuan pesakit untuk membayar.

Sikap ini sepatutnya turut disemaikan di kalangan jururawat dan kakitangan profesional yang berkaitan.

Para pesakit yang baru dimasukkan ke wad perlulah diperiksa dan dirawat segera tanpa bertangguh.

Pesakit perlu kerap diperhatikan dan lawatan dibuat sekurang-kurangnya sekali sehari dan lebih kerap bagi pesakit yang tenat. Kerana bagi pesakit, perkara yang menyenangkan dan penting bagi mereka ialah kehadiran doktor, sentuhannya yang lembut serta kata-kata yang prihatin yang mungkin tidak disedari oleh doktor.

8. DOKTOR DALAM DILEMA

Pesakit yang mengadu tentang rawatannya mempunyai hak untuk mendapatkan respon yang bersesuaian dan segera. Doktor mempunyai tanggungjawab profesional untuk menangani aduan secara konstruktif dan jujur.

Aduan pesakit hendaklah tidak menimbulkan prejudis kepada rawatan selanjutnya.

Sekiranya pesakit mengalami kecederaan serius atas sebarang sebab, para doktor perlulah bertindak segera bagi membetulkan keadaan. Pesakit perlu mendapat penerangan yang betul, kesannya pada jangka masa pendek dan panjang. Sekiranya diperlukan, doktor boleh memohon maaf.

Sekiranya pesakit tidak dapat diselamatkan, doktor perlu menerangkan dengan sebaik mungkin sebab dan keadaan kematian kepada waris terdekat simati.

Doktor berhak di segi undang-undang untuk tidak memberikan bukti yang boleh membawa kepada prosiding jenayah diambil terhadapnya dan mestilah bekerjasama sepenuhnya terhadap sebarang pertanyaan rasmi tentang rawatan pesakit. Maklumat yang berkenaan mestilah tidak disembunyikan.

Untuk kebaikan para doktor dan pesakit, ia mestilah mendapatkan insurans atau perlindungan pampasan profesion bagi mana-mana tugasnya yang tidak dilindungi oleh skim pampasan majikan. Sekiranya terdapat prosiding etika atau jenayah terhadapnya, doktor hendaklah secepat mungkin, secara bertulis memberitahu syarikat yang memberikan perlindungan insurans atau pampasan bagi mendapatkan nasihat undang-undang segera dan bersesuaian.

9.UMUM

A. Kod Etika Perubatan Antarabangsa(Petikan)

“Semasa diterima sebagai ahli Profesion Perubatan:

Saya berikrar akan berkhidmat dengan penuh iltizam untuk masyarakat;

Saya akan mengamalkan profesion ini dengan penuh teliti dan tanggungjawab;

Saya akan mengutamakan kesihatan pesakit saya;

Saya tidak akan membenarkan faktor-faktor keagamaan, kerakyatan, bangsa, parti politik atau kedudukan sosial menjadi pemisah di antara tanggungjawab dan pesakit saya;

Saya akan terus mengutamakan nyawa manusia dari seawalnya walaupun di dalam keadaan tertekan sekalipun dan tidak akan menyalahgunakan ilmu kedokteran saya untuk perkara-perkara yang bertentangan dengan undang-undang dan kemanusiaan.”

B. Diklerasi Geneva(Petikan)

Saya berikrar akan berkhidmat dengan penuh iltizam untuk masyarakat.

Saya akan mengamalkan kerjaya saya dengan sepenuh hati dan kejujuran.

Kesihatan pesakit akan sentiasa menjadi keutamaan.

Saya akan memastikan rahsia yang diamanahkan terjaga.


ENGLISH
VERSION



Good Medical Practice

Table Of Contents

1. Preamble
2. The Doctor and The Practice
 - 2.1 The Doctor The Person
 - 2.3 Calling Card
 - 2.4 Medical Records & Reports
 - 2.5 Record of Dangerous and Controlled Drugs
 - 2.6 Publicity
 - 2.7 Medical Cover
 - 2.8 Relationship With Pharmaceutical & Equipment firms
3. The Doctor and The Patient
 - 3.1 Doctor - Patient Relationship
 - 3.2 Doctor - Patient Confidentiality
 - 3.3 Chaperon
 - 3.4 Prescribing
 - 3.5 Treatment
 - 3.6 Second Opinion
 - 3.7 Consent
 - 3.8 Professional Fees
 - 3.9 Universal Precautions
 - 3.10 Relatives & Friends
4. The Doctor As A Team Player
5. The Doctor and The Employer
6. The Doctor In Solo Practice
7. The Doctor In Institutional And Public Practice
8. The Doctor In Dilemma
9. General



FOREWORD

This Booklet serves as a guide to the medical practitioners to meet the standard of care and professionalism set out by the Malaysian Medical Council. It contains the moral and professional obligations expected of the medical practitioners of this country.

